

## Agenda STIE fokus teknologi berkaitan angkasa

Oleh Suzalina Halid - September 28, 2021 @ 7:04pm  
suzalina@bh.com.my



Dr Adham Baba. - Foto fail NSTP

KUALA LUMPUR: Tumpuan kerajaan terhadap usaha membangunkan bakat masa hadapan dan mempercepat usaha penerimgunaan teknologi serta inovasi seperti digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) adalah selari dengan usaha pemulihan negara pasca pandemik.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata pihaknya sudah mengorak langkah dalam memperkukuhkan lagi agenda Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) negara khususnya membabitkan penguasaan, pembangunan dan pengoperasian teknologi berkaitan angkasa seiring cadangan RMK12.

"Pelaksanaan Dasar Angkasa Negara 2030 (DAN2030) yang diterajui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) menyasarkan sektor angkasa sebagai penyumbang strategik kepada daya saing dan kedaulatan negara menjelang 2030.

"Selain mengukuh persediaan negara menghadapi Revolusi Industri Keempat (4IR) meningkatkan penerimgunaan internet semua benda (IoT), dan menjayakan agenda pendigitalan negara, sektor angkasa juga adalah penyumbang penting kepada pertumbuhan sektor lain.

"Ia termasuklah meteorologi, tenaga, telekomunikasi, insurans, pengangkutan, maritim, penerbangan dan

pembangunan bandar yang memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam membentangkan RMK12 di Dewan Rakyat yang menetapkan hala tuju strategik bertemakan 'Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan'.

RMK12 bagi tempoh 2021-2025 itu merangkumi sembilan fokus utama iaitu Merencanakan Pertumbuhan Ekonomi, Memperkukuh Pemangkin Pertumbuhan, Meningkatkan Kesejahteraan Keluarga Malaysia, Memantapkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam dan Membasmi Kemiskinan Tegar dan Merapatkan Jurang Pendapatan.

Selain memfokuskan kepada pengukuhan tadbir urus sektor angkasa, memperkasa infrastruktur dan aplikasi, memacu pembangunan teknologi dan kepakaran, serta mengukuhkan kerjasama antarabangsa, pelaksanaan DAN2030 ini dijangka berpotensi menyumbang kepada sumber ekonomi baharu kepada negara.

Malaysia mencatatkan lebih RM22.5 juta nilai aktiviti berkaitan angkasa pada tahun lalu yang membabitkan aspek data satelit, aplikasi dan perkhidmatan.

"Bagi mengukuhkan tadbir urus dan mengoptimumkan akses negara kepada keupayaan angkasa serta mewujudkan peraturan atau garis panduan yang sistematik, MOSTI sudahpun menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Angkasa Malaysia 2020.

RUU yang dibentangkan untuk bacaan pertama di Parlimen pada 3 November 2020 dijangka dapat membantu kerajaan memastikan aktiviti sektor angkasa negara dilaksanakan secara selamat dan bertanggungjawab selaras pematuhan perjanjian dan perundangan antarabangsa berkaitan angkasa.

Selain itu, kewujudan RUU ini akan meningkatkan keyakinan para pelabur dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan industri teknologi angkasa tempatan.

MOSTI juga yakin program dan inisiatif yang sedang dan akan dilaksanakan melalui DAN2030 dapat menyumbang sekurang-kurangnya 0.3 peratus atau RM3.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), mewujudkan sehingga 5,000 peluang pekerjaan baharu, dan pulangan pasaran data satelit sebanyak RM40 juta setahun menjelang tahun 2030.